

# UniMoist Aqueous Cream BP

Anionic Emulsifying Wax (9.0% w/w), Liquid Paraffin (6.0% w/w), White Soft Paraffin (15.0% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan UniMoist Aqueous Cream BP
2. Bagaimana UniMoist Aqueous Cream BP berfungsi
3. Sebelum menggunakan UniMoist Aqueous Cream BP
4. Cara menggunakan UniMoist Aqueous Cream BP
5. Semasa menggunakan UniMoist Aqueous Cream BP
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan UniMoist Aqueous Cream BP
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini Rimup

## Apakah kegunaan UniMoist Aqueous Cream BP

UniMoist Aqueous Cream BP ini adalah untuk kegunaan luar kulit. Ia bertindak sebagai pelembap untuk melegakan kulit kering. Ia juga bertindak seperti sabun untuk mencuci kulit.

## Bagaimana UniMoist Aqueous Cream BP berfungsi

UniMoist Aqueous Cream BP berfungsi melicinkan, melegakan dan memberi kelembapan kepada kulit yang kering.

## Sebelum menggunakan UniMoist Aqueous Cream BP

### -Bila tidak boleh menggunakan

Ia tidak boleh digunakan pada individu yang mempunyai alergi atau hipersensitiviti kepada mana-mana bahan dalam produk ini.

### -Mengandung dan penyusuan anak

Keselamatan UniMoist Aqueous Cream BP terhadap ibu mengandung dan menyusukan anak tidak pernah dibangkitkan tetapi ianya tidak dianggap merbahaya pada tempoh masa ini.

### -Sebelum menggunakan ubat ini

Produk ini didatangkan tanpa preskripsi. Beritahu doktor atau ahli farmasi anda sebelum menggunakan produk ini.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Sesetengah ubat boleh mengganggu tindakan UniMoist Aqueous Cream BP keatas kulit.

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau menggunakan sebarang ubat-ubatan lain termasuk apa-apa yang anda dapat tanpa preskripsi dari farmasi anda, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan UniMoist Aqueous Cream BP

### -Berapa banyak harus digunakan

Sapu lapisan nipis pada kawasan kulit yang terkesan 2 atau 3 kali sehari dan jika diperlukan.

### Dos biasa

Sapukan lapisan nipis UniMoist Aqueous Cream BP kepada tempat yang diperlukan. Lakukan dua atau tiga hari sekali.

### -Bila perlu digunakan

Guna seperti yang diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi anda.

### -Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan UniMoist Aqueous Cream BP seperti yang dicadangkan oleh doktor anda. Jika gejala berterusan, dapatkan nasihat doktor anda.

### -Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa menggunakannya, jangan bimbang. Sapukan krim dan teruskan penggunaan seperti biasa.

Jika anda tidak pasti apa yang perlu dilakukan, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### -Jika menggunakan berlebihan (terlebih dos)

Sapukan krim secara sama rata dengan kulit. Jika anda tidak sengaja menggunakan lebih daripada biasa, jangan bimbang kerana ia tidak menyebabkan apa-apa bahaya pada kawasan yang terlibat.

## Semasa menggunakan UniMoist Aqueous Cream BP

### -Perkara yang perlu dilakukan

Krim ini adalah untuk kegunaan luar. Pastikan krim ini disapu pada kawasan terjejas sahaja.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mula mengambil apa-apa ubat baru sebelum anda berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan UniMoist Aqueous Cream BP kepada orang lain walaupun mereka mempunyai keadaan atau gejala yang sama seperti anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Pemakanan secara tidak sengaja keatas produk ini boleh berlaku. Gejala konsumsi oral secara tidak sengaja mungkin termasuk gejala gastrousus, terutamanya cirit-birit. Rawatan yang diperlukan hanya untuk gejala tersebut. Tolong rujuk doktor atau ahli farmasi anda atau pergi ke unit kecemasan berdekatan.

Jangan merokok atau berada berdekatan dengan api kerana berisiko untuk melecur. Kain (baju, selimut atau pakaian) yang bersentuhan dengan produk ini akan mudah terbakar. Basuh baju dan selimut akan mengurangkan punca terbakar namun tidak menghilangkan secara keseluruhan.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, UniMoist Aqueous Cream BP boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

Krim ini boleh menyebabkan suatu tindak balas kulit seperti pedih, terbakar, gatal-gatal dan kemerahan.

Jika simptom berterusan, jangan guna ubat ini dan rujuk doktor.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan afvers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers -> Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)]

# UniMoist Aqueous Cream BP

Anionic Emulsifying Wax (9.0% w/w), Liquid Paraffin (6.0% w/w), White Soft Paraffin (15.0% w/w)

---

## Cara penyimpanan dan pelupusan UniMoist Aqueous Cream BP

11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang, Malaysia.

### -Penyimpanan

Pastikan bekas ditutup rapat. Simpan di tempat yang kering dibawah 30°C. Lindungi daripada sejuk, panas dan cahaya matahari.

### **Tarikh kemaskini RIMUP**

14/05/2025

### **Nombor Siri**

NPRA (R2) 23/170

### -Pelupusan

Ubat tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### -Rupa dan warna produk

Warna putih pudar, licin dan homogen.

### -Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

*Anionic Emulsifying Wax (contains cetostearyl alcohol and sodium lauryl sulfate) (9.0%)*

*Liquid Paraffin (6%)*

*White Soft Paraffin (15%)*

- Bahan-bahan tidak aktif

*Methyl Paraben, Propyl Paraben dan Purified water*

### -Nombor MAL

1. MAL24016035X

2.

## **Pengilang**

1. KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park  
Phase 4, Lintang Bayan Lepas 1,  
11900 Bayan Lepas, Pulau Pinang,  
Malaysia.

2. KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

No. 5 & 7 Hala Beringin,  
Diamond Valley Industrial Park,  
11960 Bayan Lepas, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

KCK Pharmaceutical Industries Sdn. Bhd.

Plot 61, Bayan Lepas Industrial Park  
Phase 4, Lintang Bayan Lepas 1,